

## FAKTOR PENYUMBANG KEPADA MASALAH MEMBACA DALAM KALANGAN MBPK MASALAH PEMBELAJARAN DI SEKOLAH MENENGAH (Contributing Factors to Reading Difficulties Among Secondary School Pupils with Learning Disabilities)

Yuzaila Yusuf, Mohd Norazmi Nordin & Syar Mezee Mohd Rashid

### ABSTRAK

*Kemahiran membaca Murid Berkeperluan Pendidikan Khas (MBPK) masalah pembelajaran adalah pelbagai, sebagaimana personaliti mereka. Namun begitu, kemahiran membaca MBPK masalah pembelajaran berkefungsian sederhana masih berada pada tahap yang minimum walaupun pelbagai pendekatan pengajaran membaca telah dilakukan oleh guru. Sehubungan itu, tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah membaca dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran di sekolah menengah. Kajian ini melibatkan 5 orang peserta kajian yang merupakan guru mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi (BMK) dan mempunyai pengalaman mengajar BMK melebihi 5 tahun. Kajian ini dilakukan di beberapa buah negeri iaitu Selangor, Pahang, Melaka dan Johor. Kajian dijalankan menggunakan reka bentuk kajian kes dengan pendekatan kualitatif. Instrumen protokol temu bual separa berstruktur digunakan dan data dianalisis menggunakan perisian NVivo 14. Dapatan menunjukkan bahawa faktor-faktor penyumbang kepada wujudnya kesukaran membaca dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran di sekolah menengah disebabkan oleh faktor individu, psikologi, kaedah pengajaran guru, masa pengajaran, persekitaran dan bahan bacaan yang digunakan. Implikasi kajian ini menjelaskan bahawa bahan bacaan yang digunakan oleh guru BMK harus ditambahbaik dan dipertingkatkan, di samping sokongan daripada ibu bapa serta usaha meningkatkan motivasi murid bagi mengatasi masalah membaca dalam kalangan MBPK masalah pembelajaran di sekolah menengah.*

*Kata kunci: masalah pembelajaran; kemahiran membaca; faktor masalah membaca; kualitatif; bahasa melayu komunikasi*

### ABSTRACT

*Reading skills among pupils with learning disabilities (MBPKMP) are as diverse as their personalities. However, the reading skills of MBPKMP remain at a minimal level, despite various approaches to reading instruction implemented by teachers. Therefore, the primary purpose of this study is to explore the factors contributing to reading difficulties among MBPKMP in secondary schools. This study involved five participants who are teachers of the Malay Language Communication (BMK) subject and have more than five years of experience teaching BMK. The study was conducted in several states, namely Selangor, Pahang, Melaka, and Johor. It was carried out using a case study design with a qualitative approach. A semi-structured interview protocol was used as the instrument, and the data were analyzed using NVivo 14 software. The findings indicate that the factors contributing to reading difficulties among MBPK with learning disabilities in secondary schools are individual factors, psychological factors, teaching methods, teaching time, environment, and the reading materials used. The implications of this study suggest that the reading materials used by BMK teachers should be improved and enhanced, alongside support from parents and efforts to increase student motivation to overcome reading difficulties among MBPK with learning disabilities in secondary schools.*

*Key Words: learning disorders; reading skill; reading problem factors; qualitative; Bahasa Melayu Komunikasi*

## PENGENALAN

Murid Berkeperluan Pendidikan Khas Masalah Pembelajaran (MBPKMP) mempunyai tahap kemahiran membaca yang pelbagai (Oakhill 2021). Namun apabila di bilik darjah, MBPKMP dengan pelbagai tahap kemahiran ini akan digabungkan dan belajar bersama-sama. Justeru akan terdapat murid yang hanya boleh membaca beberapa patah perkataan dan murid yang mahir membaca teks kompleks dalam satu bilik darjah. Sehubungan dengan itu, menjadi tugas guru pendidikan khas untuk menyediakan suasana pembelajaran yang kondusif dan komprehensif bagi memastikan setiap MBPKMP di dalam kelas tersebut mendapat hak yang sama dalam menguasai kemahiran membaca (Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana 2018). Rangka kerja yang terkandung dalam ‘*The Salamanca Statement and Framework for Action on Special Needs Education*’ (1994), turut menegaskan bahawa usaha yang bersepadu diperlukan daripada semua pihak bagi memastikan golongan Orang Kurang Upaya (OKU) ini menguasai kemahiran membaca selain mengira, menulis dan kemahiran asas dalam kehidupan.

Kajian yang dijalankan oleh Noor Aini Ahmad (2010) mendapati bahawa MBPKMP tahap teruk dan sederhana tidak menguasai atau hanya menunjukkan kemajuan membaca yang terhad. Sebilangan daripada mereka telah mengenal huruf dan boleh membaca suku kata dengan baik tetapi tidak lancar semasa membaca petikan serta tidak menguasai pemahaman dengan baik (Kampylafka et al. 2023; Kelso et al. 2022). Sementara itu, *National Center for Education Statistics* (2015) turut melaporkan bahawa kemahiran membaca MBPKMP berada pada tahap yang minimum dan belum mencapai tahap bacaan yang dikehendaki. Justeru, masalah membaca ini boleh memberi kesan terhadap keupayaan murid untuk menguasai mata pelajaran lain, termasuk mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi dan juga kemahiran asas dalam kehidupan seharian mereka.

Seramai 175,304 (13%) kanak-kanak di hujung usia persekolahan sekolah rendah di Malaysia dilaporkan tidak lancar membaca (Faida Rahim 2023). Situasi ini turut memberi kesan terhadap data pendidikan khas apabila seramai 97,494 MBPKMP di tempatkan di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) pada tahun 2023 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2023) berbanding 88,118 pada tahun 2022 (Kementerian Pendidikan Malaysia 2022). Peningkatan bilangan MBPKMP pada setiap tahun amatlah membimbangkan dan memerlukan kerajaan menangani isu ini dengan kadar segera (Noor Sara Mashitoh 2023). Bertitik tolak daripada itu, antara punca utama yang dikesan semasa pelaksanaan ujian diagnostik ialah

ketidakupayaan murid dalam menguasai kemahiran membaca (Cruz Neri & Retelsdorf 2022). Dalam konteks ini, walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan bagi mengatasi masalah membaca ini, masih terdapat satu jurang dalam memahami secara spesifik mengenai faktor-faktor yang menyumbang kepada masalah membaca khususnya dalam kalangan MBPKMP di sekolah menengah.

O’Connor (2018) menyatakan bahawa membaca merupakan asas penting dalam pendidikan yang berfungsi sebagai nadi utama bagi kejayaan akademik, pertumbuhan peribadi, dan penglibatan aktif dalam kehidupan bermasyarakat. Walau bagaimanapun, MBPKMP di sekolah menengah sering kali menghadapi kesukaran dalam membaca yang jauh lebih besar variasinya berbanding murid lemah di aliran perdana. Cabaran yang mereka tempuhi ini datang dalam pelbagai dimensi dan sangat mengganggu keupayaan mereka untuk mencapai kejayaan terutamanya akademik dan integrasi sosial (Amirova 2020). Di samping, isu-isu yang mempengaruhi kemampuan membaca khususnya dalam kalangan MBPKMP di sekolah menengah kurang di bincangkan. Kekurangan ini adalah kritikal kerana sifat dan keperluan membaca berkembang mengikut peningkatan tahap pendidikan. Mungkin strategi yang efektif semasa di sekolah rendah tidak lagi bersesuaian atau mencukupi apabila berada di sekolah menengah.

Beberapa faktor utama telah dikenal pasti dalam kajian yang sedia ada termasuklah kelemahan dalam pemrosesan fonologi, kekurangan dalam kemampuan memori kerja, serta ketidakupayaan dalam menguasai bahasa dan sintaksis (Suwanaroa 2021; Tamam Timbang et al. 2011). Namun, kurangnya kajian yang mengintegrasikan beberapa faktor lain untuk saling berinteraksi dalam konteks pendidikan dan sosial murid sehingga menimbulkan kesukaran dalam merancang intervensi yang lebih berkesan. Lebih-lebih lagi, faktor persekitaran seperti sokongan daripada ibu bapa, kualiti pengajaran, dan akses kepada sumber pembelajaran yang sesuai juga memainkan peranan yang tidak boleh diabaikan dalam mempengaruhi keupayaan membaca MBPKMP di sekolah menengah. Sehubungan itu, kajian yang mendalam perlu dilaksanakan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah membaca dalam kalangan MBPKMP. Di samping itu juga, implikasi kajian ini dapat merumuskan cadangan yang lebih terarah dan praktikal untuk meningkatkan strategi pengajaran dan pembelajaran kemahiran membaca murid serta memperkayakan pengalaman guru pendidikan khas. Justeru itu, objektif kajian ini adalah untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah membaca dalam kalangan MBPKMP di sekolah menengah.

## KAJIAN LITERATUR

Membaca merupakan satu proses kognitif yang menekankan beberapa aspek penting dalam literasi seperti membuat interpretasi, pengecaman, dan persepsi terhadap bahan bercetak atau bahan bertulis (Robeck & Wallace 2018). Menurut Zulkifli Osman (2013), penguasaan dalam kemahiran membaca bukanlah suatu pekerjaan yang mudah berbanding dengan kemahiran-kemahiran lain seperti mendengar, bertutur dan menulis. Tambahan pula, keadaan MBPKMP yang mengalami pelbagai gangguan sehingga mempengaruhi pemerolehan maklumat, pemahaman dan memori kerja (Learning Disabilities Association of Ontario 2001). Hal ini juga turut disokong oleh Zalizan Mohd Jelas (2009) yang menyatakan bahawa MBPKMP sememangnya menghadapi masalah akademik seperti membaca, menulis dan mengira.

Kajian yang dijalankan oleh Suwanaroa (2021) mendapati faktor yang dikenal pasti mempengaruhi masalah membaca ialah sikap murid, sokongan ibu bapa dan kaedah pengajaran guru. Manakala, faktor lain yang turut di kenal pasti ialah faktor individu, masa pengajaran, dan bahan bacaan yang digunakan (Jayaganes Balanadam & Khairul Jamaluddin 2021; Tahmidaten & Krismanto 2020; Tamam Timbang et al. 2011). Bagi MBPKMP, faktor individu itu sendiri yang mengalami kecacatan sehingga mengganggu proses pembelajaran mereka terutamanya penguasaan kemahiran 3M (Moll et al. 2016; Pennington et al. 2019). Selain itu, tinjauan yang dilakukan oleh Joyce dan Breadmore (2022) telah membuktikan bahawa murid yang mengalami masalah kesihatan, masalah tidur dan sentiasa mengantuk pada waktu siang akan menyebabkan keupayaan membaca terutama penyahkodan perkataan dan fonik menjadi semakin lemah.

Seterusnya, faktor masa pengajaran yang singkat menyebabkan guru tidak dapat membantu murid secara berfokus kepada kemahiran membaca (Tamam Timbang et al. 2011; Yanuarti Apsari & Yana 2015). Dalam situasi yang lain, Aldhanhani et al. (2021) mendapati guru di sekolah awam kurang berpengalaman, tidak mempunyai kaedah pengajaran membaca yang bersistem dan kurang yakin dengan strategi pengajaran yang digunakan. Faktor persekitaran juga mempengaruhi kelancaran membaca MBPKMP. Kebanyakan murid ini tergolong dalam kalangan keluarga B40, tidak mendapat sokongan daripada ibu bapa dan tiada kesinambungan untuk belajar di rumah selepas waktu persekolahan (Suwanaroa 2021; Wirth et al. 2022; Zamri Mahamod et al. 2021). Hal ini boleh menyebabkan murid kehilangan peluang untuk mempraktikkan kemahiran membaca mereka di rumah dan memperkukuhkan apa yang dipelajari di sekolah.

Seterusnya, faktor lain yang menyebabkan MBPKMP tidak minat membaca kerana teks yang digunakan terlalu panjang, bahasa yang sukar difahami dan tatabahasa yang agak tinggi semasa intervensi dijalankan (Boakye & Mbong 2016; Castles et al. 2018). Situasi ini menyebabkan proses membaca boleh menjadi pengalaman yang mengecewakan kepada murid sehingga mereka hanya meluangkan sedikit sahaja masa untuk membaca (Rasinski 2012). Selain itu, guru tiada bahan bacaan yang spesifik untuk murid (Virgiyanti & Mahdiyah 2023). Kekurangan bahan bacaan yang sesuai dan khusus boleh menghalang proses pembelajaran murid dalam menguasai kemahiran membaca.

## METODOLOGI

### REKA BENTUK KAJIAN

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kes yang dijalankan dengan menggunakan pendekatan secara kualitatif. Jenis kajian kes yang digunakan adalah kajian satu kes pelbagai tempat (Creswell & Creswell 2017; Yin 2015). Dalam kajian ini, kajian kes dilakukan di pelbagai tempat bagi mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah membaca dalam kalangan MBPKMP. Kajian kes ini menggunakan kaedah satu kes pelbagai tempat kerana kajian ini melibatkan lebih daripada sebuah sekolah (Merriam 2009). Dalam kajian ini, kes yang dikaji ialah faktor-faktor masalah membaca. Pelbagai tempat pula merujuk kepada 5 buah SMK yang ada PPKI dan bilangan murid yang tidak boleh membaca agak kritikal. Selain itu, kajian ini telah mendapat kebenaran daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (Rujukan: KPM.600-3/2/3-eras (18195)), Jabatan Pendidikan Negeri dan pengetua sekolah masing-masing. Kajian dijalankan di dua buah sekolah di Selangor dan masing-masing satu sekolah di Pahang, Melaka dan Johor.

### PESERTA KAJIAN

Kaedah pensampelan yang digunakan adalah pensampelan bertujuan. Penggunaan pensampelan bertujuan adalah untuk membolehkan pengkaji menentukan informan yang sesuai dan khusus dengan tujuan kajiannya. Pengkaji perlu menggunakan pertimbangannya sendiri untuk memilih informan yang paling sesuai dengan kajiannya (Merriam 2009). Dari sudut pemilihan peserta, peserta kajian telah dipilih berdasarkan dua kriteria iaitu mengajar mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi semasa kajian ini dijalankan, dan mempunyai pengalaman mengajar BMK selama 5 tahun dan ke atas.

Jadual 1 Maklumat Bilangan Sampel Mengikut Lokasi Kajian

BIL	LOKASI KAJIAN	BILANGAN SAMPEL
1.	Selangor	2
2.	Pahang	1
3.	Johor	1
4.	Melaka	1
	Jumlah	5

Terdapat 4 orang peserta mempunyai pengalaman mengajar melebihi 10 tahun, manakala R5 telah mengajar selama 7 tahun. Namun begitu, kelima-lima orang peserta

mempunyai pengalaman mengajar BMK melebihi 5 tahun. Othman Lebar (2018) menyatakan bahawa seseorang yang dikatakan pakar perlulah mempunyai tempoh pengalaman melebihi daripada 5 tahun. Peserta dalam kajian ini juga mempunyai kelayakan akademik sekurang-kurangnya Ijazah Sarjana Muda. Selain itu, seramai 3 orang peserta tidak pernah mengikuti mana-mana kursus pedagogi Bahasa Melayu, manakala R2 dan R5 mendapat pendedahan awal semasa belajar di universiti dalam bidang Pengajian Melayu. Bagi kursus kemahiran membaca, hanya R1 dan R2 sahaja yang pernah mengikuti kursus anjuran luar dan juga anjuran Pejabat Pendidikan Daerah.

Jadual 2 Demografi Peserta Kajian

Item/Informan	R1	R2	R3	R4	R5
Umur	40 tahun	53 tahun	42	42 tahun	32 tahun
Jantina	Perempuan	Lelaki	Perempuan	Perempuan	Perempuan
Kelayakan Akademik	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda	Ijazah Sarjana Pendidikan	Ijazah Sarjana Muda
Pengalaman Mengajar	16 tahun	27 tahun	14 tahun	10 tahun	7 tahun
Pengalaman Mengajar BMK	7 tahun	14 tahun	10 tahun	7 tahun	6 tahun
Kursus Pedagogi Bahasa Melayu	Tidak pernah	Pendedahan awal di universiti.	Tidak pernah	Tidak pernah	Pendedahan awal di universiti
Kursus Kemahiran Membaca	Pernah – anjuran Little Caliph	Pernah – Anjuran PPD	Tidak pernah	Tidak pernah	Tidak pernah

### INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen kajian yang digunakan adalah protokol temu bual. Protokol temu bual ini bertujuan untuk memahami persoalan, proses dan situasi yang dikaji. Bagi melihat kesahan muka dan kandungan protokol temu bual, 5 orang pakar telah dilantik untuk menilai dan menyemak soalan protokol temu bual yang diadaptasi daripada pengkaji lepas. Kelima-lima pakar tersebut mempunyai kepakaran di dalam bidang masing-masing iaitu 2 orang pakar dalam bidang Bahasa Melayu, 2 orang pakar dalam bidang Pendidikan Khas dan seorang pakar dalam bidang penyelidikan kualitatif.

### KAEDAH PENGUMPULAN DAN PENGANALISISAN DATA

Temu bual telah dijalankan secara bersemuka dan individu supaya jawapan dan pandangan mereka tidak dipengaruhi oleh guru yang lain. Data temu bual bagi setiap informan telah melalui proses transkripsi. Setelah data di semak, pengkaji terus mendapatkan tema-tema penting daripada

data yang diperolehi. Proses yang sama terus dilakukan sehingga sampai kepada tahap ketepuan data. Bagi memudahkan pengkaji mengorganisasikan data, perisian NVivo 14 digunakan. Namun, sebelum proses analisis dilakukan, semua hasil transkripsi dipastikan bersih terlebih dahulu, iaitu dengan cara meminta informan menyemak semula dan bersetuju dengan dapatan transkripsi. Kemudian, pengkaji bertindak mencari tema-tema penting tentang faktor-faktor yang mempengaruhi masalah membaca yang dihadapi oleh MBPKMP yang terlibat dalam kajian ini.

### DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan temu bual yang dijalankan terhadap 5 orang peserta, terdapat 6 faktor utama yang telah dikenal pasti mempengaruhi masalah membaca dalam kalangan MBPKMP di sekolah menengah. Keenam-enam faktor tersebut ialah (i) individu, (ii) psikologi, (iii) bahan bacaan, (iv) persekitaran, (v) kaedah pengajaran guru dan (vi) masa pengajaran.

FAKTOR INDIVIDU

Faktor individu begitu berkait rapat dengan kecerdasan dan kebolehan membaca MBPKMP di sekolah menengah. Faktor ini merangkumi pelbagai elemen seperti keupayaan kognitif, emosi dan psikologi, serta faktor biologi dan neurologi yang unik bagi setiap individu. Namun, dalam konteks kajian ini elemen keupayaan kognitif dikesan memberi pengaruh yang besar kepada masalah membaca murid. Antara kemahiran kognitif yang mempengaruhi pembacaan termasuklah keupayaan persepsi visual dan auditori, ingatan kerja dan pemprosesan bahasa (Matejko et al. 2023). MBPKMP sering kali bergelut dalam menguasai satu atau lebih daripada kemahiran ini (Pennington et al. 2019). Sebagai contoh, murid yang mengalami kesukaran dalam pemprosesan fonologi mungkin payah untuk menghubungkan bunyi bahasa dengan huruf, yang merupakan komponen penting dalam membaca.

Selain itu, MBPKMP ini juga mempunyai ingatan kerja yang lemah dan tidak dapat mengingat maklumat atau apa yang telah dipelajari dalam jangka masa yang panjang. Hal ini membuktikan bahawa murid ini jelas mempunyai ciri-ciri kategori murid bermasalah pembelajaran. Perkara ini diakui oleh R1, R3 dan R4 ketika di temu bual.

*Murid kefungsiannya rendah memang kita tidak boleh nafikan mengapa agak sukar untuk mereka belajar membaca. Ketidakupayaan mereka menyebabkan mereka sukar untuk menguasai 3M (R1).*

*Masalah utama murid kita ini mereka cepat lupa. Mereka hanya gunakan memori jangka pendek sahaja. Apa yang kita ajar hari ni, kalau tanya esok memang mereka tidak boleh jawab kerana mereka lupa apa yang kita ajar semalam (R3).*

*Salah satunya disebabkan oleh ketidakupayaan mereka sendiri dan sememangnya kita tidak boleh menafikan perkara tersebut (R4).*

Jadual 3 Faktor Individu

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Ketidakupayaan menguasai kemahiran membaca	/			/		2
Memori jangka pendek			/			1

FAKTOR PSIKOLOGI

Dalam membincangkan faktor psikologi yang mempengaruhi masalah membaca dalam kalangan MBPKMP di sekolah menengah, adalah penting untuk memahami bagaimana aspek-aspek psikologi seperti motivasi, kepercayaan diri dan tekanan emosi mempengaruhi proses pembelajaran mereka. Motivasi merupakan elemen kritikal dalam proses pembelajaran. MBPK masalah pembelajaran sering kali mengalami kegagalan secara berulang-ulang dalam melakukan tugas akademik, sehingga mereka merasa kurang yakin terhadap kemampuan diri sendiri (Efriza et al. 2023). Hal ini secara tidak langsung mengakibatkan penurunan motivasi untuk terus mencuba. Murid akan menganggap usaha yang berlebihan akan menjadi sia-sia kerana kemampuan belajar mereka masih lagi sama. Situasi ini sangat relevan dalam konteks pembelajaran membaca murid. Mereka merasakan kesukaran yang dialami menjadikan mereka murid yang sangat lemah dan terpinggir daripada aktiviti kelas yang memerlukan mereka membaca. Hal ini diakui oleh R1, R2 dan R5 semasa sesi temu bual.

*Apabila bacaan merangkak-rangkak, mereka mudah putus asa (R1).*

*Mereka tidak yakin, takut untuk mengeja dan salah menyebut suku kata. Mereka eja lain tetapi sebutan pula lain. Itulah yang menyebabkan bacaan mereka teragak-agak sehingga mereka tidak faham dengan apa yang mereka baca. Di sini akan mula rasa rendah diri dan kurang keyakinan diri (R2)*

*Tapi ada juga murid yang motivasinya untuk belajar membaca memang kurang, sebab sentiasa anggap mereka orang kurang upaya. Jadi tidak perlu belajar membaca (R5).*

Jadual 4 Faktor Motivasi

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Mudah putus asa	/					1
Rasa rendah diri dan kurang keyakinan		/				1
Motivasi untuk belajar membaca kurang					/	1

Selain itu, sikap murid terhadap pembelajaran mempengaruhi keberhasilan membaca (Suwanaroa 2021). Faktor kurang minat dan malas membaca menyumbang kepada wujudnya masalah membaca dalam kalangan murid ini. Peserta R4 dan R5 menyatakan:

*Murid saya yang berumur 15, 16 tahun mereka kurang minat untuk membaca (R4).*

*Apabila mereka berada di sekolah menengah, mereka merasa seperti murid tadika yang perlu belajar membaca. Tambah pula kalau saya guna buku Bacalah Sayangku, mereka lagi tidak mahu belajar membaca (R5).*

Jadual 5 Faktor Sikap

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Perseetujuan Pakar
Kurang minat untuk membaca				/		1
Tidak mahu belajar membaca					/	1

FAKTOR BAHAN BACAAN

Faktor bahan bacaan seperti kualiti, tahap kesukaran dan kesesuaian boleh memberi impak yang cukup besar kepada kebolehan membaca dan motivasi MBPKMP di sekolah menengah. Bahan bacaan yang berkualiti tinggi, susunan yang baik dan bersesuaian dengan tahap membaca murid dapat membantu memudahkan proses pembelajaran (Boakye 2017). Manakala, bahan yang terlalu sukar atau terlalu mudah boleh menyebabkan murid merasa bosan dan tertekan. Oleh yang demikian, pemilihan bahan bacaan yang sesuai dengan tahap pembacaan murid adalah penting bagi memastikan setiap murid terlibat secara aktif dalam proses pembelajaran membaca.

Selain itu, kesukaran bahasa dan struktur teks dalam bahan bacaan juga mempengaruhi keupayaan membaca murid. Teks yang mengandungi bahasa yang kompleks, ayat yang panjang, dan struktur yang rumit boleh menyukarkan murid untuk memahami kandungan terutamanya MBPKMP (Sari et al. 2020). Beberapa orang peserta mendapati aras buku teks terlalu tinggi dengan keupayaan membaca murid mereka. Bukan itu sahaja, petikan yang panjang dan sukar menyebabkan murid hanya membaca tetapi tidak memahami petikan. Kenyataan ini dijelaskan oleh peserta R2, R3, R4 dan R5 melalui temu bual berikut:

*Buku teks BMK tingkatan 5, saya tengok petikan itu arasnya terlalu tinggi menyebabkan murid hanya sekadar membaca sebenarnya, pemahaman terlalu sukar bagi mereka (R2).*

*Saya tidak guna sangat buku teks, saya akan cari sumber-sumber yang lain. Dalam buku teks itu memang ada gambar, berwarna cuma untuk sesetengah topik itu petikannya agak panjang. Itu yang akan menjadi masalah dan murid kurang berminat (R3).*

*Jujur saya katakan yang buku teks BMK ini arasnya agak tinggi untuk murid saya (R4).*

*Untuk murid yang baru masuk ke sekolah menengah ini, terutamanya murid tingkatan 1 agak sukar untuk terima buku teks sebab aras dalam buku teks itu agak tinggi daripada keupayaan mereka (R5)*

Jadual 6 Faktor Bahan Bacaan Sukar

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Perseetujuan Pakar
Aras buku teks yang tinggi		/		/	/	3
Petikan agak panjang			/			1

Seterusnya, bahan bacaan yang kurang menarik juga boleh menjadi salah satu faktor utama yang menghalang perkembangan kemahiran membaca MBPKMP di sekolah menengah. Bahan bacaan yang tidak menarik bukan sahaja menyebabkan motivasi dan minat membaca semakin berkurangan, malah boleh menambah kesukaran dalam proses pembelajaran (Ruzin 2019). Bahan bacaan yang kurang menggunakan elemen visual dan interaktif boleh menjadi kurang menarik, terutamanya bagi mereka yang cenderung kepada gaya pembelajaran visual dan kinestetik. Elemen seperti gambar, grafik dan ilustrasi boleh membantu memudahkan pemahaman dan menjadikan pembelajaran lebih menarik serta berkesan. Berdasarkan keterangan peserta kajian, mereka mendapati bahan bacaan sedia ada mempunyai gambar yang kurang menarik, lukisan formal dan penggunaan warna yang agak terhad. Hal ini diakui dalam kenyataan peserta R1, R4 dan R5.

*Kalau murid baca buku Bacalah Sayang, walaupun sudah beberapa edisi, murid tetap rasa bosan, cikgu pun sama akan rasa bosan tengok buku itu. Antara faktornya ialah gambar yang ada dalam buku tu, pada saya kurang menarik sebab lukisan terlalu formal dan masih sama walaupun sudah banyak edisi (R1).*

*Walaupun pada saya buku e-Xra itu banyak membantu murid saya membaca tapi mungkin dari segi gambar, muka depannya biasa sahaja. Gambar ada tapi kurang menarik. Warna-warna yang ada pun terhad, biasanya tulisan warna hijau, hitam dan merah (R4).*

*Buku Bacalah Anakku dan Bacalah Sayang pun ada, tapi mereka tidak suka sebab pada mereka buku itu untuk kanak-kanak, lagi pun warna tidak banyak dan gambar kurang menarik (R5).*

Jadual 7. Faktor Bahan Bacaan Kurang Menarik

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Gambar kurang menarik	/			/	/	3
Lukisan yang formal	/					1
Warna yang terhad				/	/	2

Bahasa dan gaya penulisan yang digunakan dalam bahan bacaan juga memainkan peranan penting dalam menarik minat murid, terutamanya MBPKMP (Katili 2023). Penggunaan bahasa yang terlalu formal, teknikal, atau kompleks boleh menyukarkan pemahaman dan menyebabkan minat membaca murid semakin berkurangan. Peserta R1 dan R2 mendapati bahan bacaan sedia ada terlalu formal dan kurang sesuai dengan usia murid yang berada di sekolah menengah. Kenyataan ini dijelaskan melalui temu bual berikut:

*Buku-buku atau bahan bacaan yang ada di pasaran terlampau formal untuk pembelajaran (R1).*

*Modul itu kebanyakannya untuk murid pra sekolah, nampak formal lah sedikit dan murid kita yang berumur 16, 17 tahun memang tidak mahu guna buku kanak-kanak ini. Tidak sesuai dengan usia mereka katanya (R2).*

Jadual 8. Faktor Bahan Bacaan Formal

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Bahan bacaan formal untuk pembelajaran	/	/				2

### FAKTOR PERSEKITARAN

Faktor persekitaran memainkan peranan yang signifikan dalam mempengaruhi masalah membaca MBPKMP di sekolah menengah. Persekitaran yang sesuai untuk murid belajar dan berkembang boleh memberi impak yang besar terhadap motivasi, keupayaan dan keberhasilan dalam kemahiran membaca. Faktor persekitaran ini merangkumi suasana bilik darjah, sokongan keluarga, rakan sebaya serta akses kepada sumber dan teknologi. Namun, dalam konteks kajian ini, peserta R3 mendapati bahawa murid yang berbangsa Cina dan India tidak menguasai Bahasa Melayu, apatah lagi kemahiran membaca kerana komunikasi bersama rakan sebaya masih menggunakan bahasa pertuturan masing-masing. Kenyataan ini dijelaskan oleh R3 melalui temu bual berikut:

*Kalau di sekolah saya, murid bercampur iaitu ada kaum melayu, cina dan india. Majoriti murid yang tidak boleh membaca adalah murid cina dan india kerana bahasa pertuturan mereka masih lagi menggunakan bahasa cina dan tamil. Mereka ini memang lemah dalam Bahasa Melayu, apatah lagi membaca (R3).*

Jadual 9. Faktor Rakan Sebaya

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Komunikasi bersama rakan menggunakan bahasa Tamil dan bahasa Cina			/			1

Seterusnya, sokongan keluarga juga merupakan faktor kritikal dalam perkembangan kemahiran membaca MBPKMP. Keluarga yang memberikan perhatian, sokongan emosi dan bantuan dalam pembelajaran boleh mengurangkan tekanan dan meningkatkan motivasi murid (Andersen et. al. 2021). Ibu bapa boleh membantu dengan menyediakan ruang belajar yang sesuai di rumah, terlibat dalam aktiviti membaca bersama, dan bekerjasama dengan guru untuk memahami dan memenuhi keperluan pembelajaran anak mereka. Komunikasi yang baik antara keluarga dan sekolah adalah penting untuk memastikan pelajar mendapat sokongan yang menyeluruh. Sebaliknya situasi yang berlaku, apabila sebilangan daripada MBPK yang terlibat dalam kajian ini tidak mendapat sokongan yang sepatutnya daripada ibu bapa seperti persekitaran rumah yang kurang selesa, tiada kesinambungan proses pembelajaran di rumah, tiada bahan bacaan yang disediakan di rumah, kemiskinan dan tidak menerima intervensi awal. Hal ini diakui oleh kesemua peserta semasa sesi temu bual.

*Kita juga perlukan sokongan ibu bapa. Kebanyakannya murid saya bukannya daripada ibu bapa yang berpelajaran, bukannya masing-masing sibuk bekerja tetapi persekitaran rumah mereka yang tidak membantu (R1).*

*Dapatan saya, apabila kami menyediakan kerja rumah untuk mereka lakukan di rumah tetapi saat murid kembali semula ke sekolah, murid tetap tidak siapkan tugas yang kami bekalkan. Jadi, di sini kita boleh lihat kesinambungan tugas atau kesinambungan proses pembelajaran itu tidak berlaku di rumah dan hanya berlaku di sekolah semata-mata (R2).*

*Saya rasa dorongan daripada ibu bapa. Tambahan pula, murid saya ini bertutur di rumah menggunakan bahasa Tamil dan Cina. Mereka memang tidak membaca pun bila di rumah. Ibu bapa sendiri tidak pernah beli buku bacaan untuk anak-anak mereka (R3).*

*Berdasarkan pengalaman saya sendiri, sekolah saya terletak di pinggir bandar, jadi latar belakang keluarga ada pelbagai. Majoritinya adalah penerima bantuan kerana mereka ini tergolong dalam kalangan keluarga B40. Boleh dikatakan latar belakang pendidikan juga rendah, maka mungkin itu menjadi penyebab sokongan daripada mereka amat kurang (R4).*

*Salah satu faktor ialah kurang pemantauan daripada ibu bapa. Kalau ikutkan, masalah membaca ini ibu bapa dapat kesan semasa anak mereka berada di sekolah tadika lagi. Mungkin sebab ibu bapa terlalu sibuk, jadi murid ini tidak dapat diberi intervensi awal (R5).*

Jadual 10. Faktor Sokongan Ibu Bapa

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Persekitaran rumah yang tidak selesa	/					1
Tiada kesinambungan proses pembelajaran di rumah		/				1
Bahan bacaan tidak disediakan di rumah			/			1
Kemiskinan				/		1
Tidak menerima intervensi awal					/	1

### KAEDAH PENGAJARAN GURU

Keberkesanan kaedah pengajaran guru boleh menentukan sejauh mana MBPKMP dapat memahami dan menguasai kemahiran membaca. Beberapa aspek utama dalam kaedah pengajaran guru perlu diberi perhatian, antaranya ialah menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran untuk MBPK masalah pembelajaran, penyesuaian kurikulum dan bahan pengajaran, serta strategi pengajaran yang fleksibel (Aldhanhani et al. 2021).

Namun, dalam konteks ini peserta R4 mencadangkan supaya guru menggunakan pelbagai kaedah pengajaran untuk pengajaran membaca MBPKMP. Hal ini disebabkan setiap MBPKMP mempunyai gaya pembelajaran yang berbeza-beza. Oleh itu, guru perlu menggunakan pelbagai pendekatan pengajaran untuk memenuhi keperluan setiap murid. Penggunaan bahan visual, auditori dan kinestetik dalam pengajaran telah terbukti berkesan dalam membantu proses pembelajaran murid. Gabungan antara bahan bacaan dengan gambar, video, dan aktiviti fizikal dapat membantu murid memahami dan mengingat maklumat dengan lebih baik. Kenyataan ini dijelaskan oleh R4 melalui temu bual berikut:

*Bila mengajar membaca, kena guna pelbagai kaedah, tidak boleh semata-mata 'chalk and talk' nanti murid akan tidur. Kadang-kadang sebagai guru kita kena alert juga dengan cara mengajar kita. Sekiranya murid masih sama dan tiada perkembangan, mungkin guru perlu ubah cara mengajar (R4).*

Jadual 11. Faktor Kaedah Pengajaran Guru

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Mengajar membaca menggunakan pelbagai kaedah				/		1

### FAKTOR MASA PENGAJARAN

Surat Pekeliling Ikhtisas KPM Bilangan 9 yang bertarikh 2 November 2016 yang bertajuk Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) Secara Berperingkat-Peringkat Mulai Tahun 2017 telah memberi garis panduan tentang peruntukan masa pelaksanaan mata pelajaran KSSM. Bagi mata pelajaran Bahasa Melayu Komunikasi, peruntukan masa minimum ialah 60 minit seminggu. Sewajarnya, masa pengajaran yang mencukupi adalah penting bagi memastikan MBPKMP mempunyai peluang



yang cukup untuk memahami dan menguasai konsep kemahiran membaca. Kemungkinan besar murid ini memerlukan masa yang agak panjang untuk memproses maklumat, mengingat konsep, dan menguasai kemahiran baru berbanding murid normal (Yanuarti Apsari & Yana 2015). Oleh yang demikian, pembahagian masa yang mencukupi untuk sesi pembelajaran mestilah seimbang mengikut keperluan mata pelajaran tersebut.

Dalam konteks kajian ini, masa pengajaran BMK yang singkat menyebabkan guru tidak dapat melakukan banyak aktiviti, terutamanya membaca. Kenyataan masa pengajaran BMK yang singkat dan tidak mencukupi ini dikongsikan oleh kelima-lima peserta kajian ketika temu bual:

*Kelas saya iaitu kelas KVS ini hanya ada 3 waktu sahaja seminggu. Kadang-kadang masa yang satu waktu itu mesti akan terlepas. Pada saya masa 3 waktu ini sangat pendek sebenarnya untuk kita mengajar dan adakan intervensi membaca (R1).*

*Untuk bantu murid ini membaca, waktu yang ada terlalu pendek. Masa 3 waktu itu, saya biasanya akan pelbagaikan aktiviti supaya murid tidak bosan (R2).*

*Masa untuk BM hanya 3 waktu sahaja, sedangkan banyak perkara yang nak difokuskan dalam masa 3 waktu itu. Dalam masa 3 waktu itu lah saya akan ajar membaca, menulis, tatabahasa dan pemahaman. Murid yang lemah memang tidak dapat untuk fokus kerana kekangan masa (R3).*

*Bila masa BM 3 waktu, saya rasa pendek sangat untuk saya fokuskan kepada murid yang kurang lancar membaca (R4).*

*Sebelum ini masa untuk BMK adalah 3 waktu, tetapi untuk tahun ini masa BMK hanya 2 waktu sahaja. Seminggu hanya sejam sahaja kami berjumpa. Kadang-kadang tu murid tengah seronok belajar, tiba-tiba masa sudah habis. Dalam masa sejam seminggu, agak pendek sebenarnya dan saya akui tidak banyak aktiviti yang dapat saya lakukan terutamanya untuk ajar murid lemah membaca (R5).*

Jadual 12. Faktor Masa Pengajaran

Kenyataan Pakar	R1	R2	R3	R4	R5	Jumlah Persetujuan Pakar
Masa mengajar pendek	/	/		/	/	4
Kekangan masa			/			1

## KESIMPULAN

Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi masalah membaca dalam kalangan MBPKMP di sekolah menengah, terutamanya murid kefungsi sederhana. Dapatan kajian menunjukkan bahawa faktor utama yang banyak dikongsi ialah bahan bacaan yang sukar, kurang menarik dan terlalu formal untuk pembelajaran MBPKMP. Selain itu, faktor persekitaran yang berkait rapat dengan kurangnya sokongan ibu bapa, masa pengajaran guru yang singkat, faktor psikologi seperti motivasi dan sikap, faktor individu dan kaedah pengajaran guru yang kurang berkesan turut mempengaruhi masalah membaca murid. Oleh yang demikian, guru perlu mengambil beberapa tindakan segera untuk mengatasi masalah ini. Antaranya ialah mengubahsui bahan bacaan mengikut tahap kefungsi dan minat murid, serta mengintegrasikan bahan bacaan supaya lebih menarik, interaktif dan berwarna-warni. Di samping itu, menggalakkan penglibatan ibu bapa dalam proses pembelajaran di rumah dan merancang program yang memupuk sikap positif terhadap kemahiran membaca. Berdasarkan limitasi kajian yang hanya melibatkan guru mata pelajaran BMK sahaja, kajian lanjutan boleh dijalankan dengan melibatkan ibu bapa dan MBPKMP sebagai peserta kajian dan menumpukan kepada intervensi membaca yang lebih berkesan.

## RUJUKAN

- Aldhanhani, Z.R., Abu-Ayyash & Emad, A.S. 2021. Oral reading fluency: teaching and assessment strategies. *Universal Journal of Educational Research* 9(7): 1375–1384.
- Amirova, G. 2020. Why Is Reading Important? *Proceedings of The ICECRS*, hlm. 208-219.
- Andersen, S.C., Gregersen, M.K., Nielsen, H.S. & Thomsen, M.K. 2021. Parent involvement, socioeconomic status and reading performance. *Scandinavian Journal of Educational Research* 65(7): 1279-1294.
- Castles, A., Rastle, K. & Nation, K. 2018. Corrigendum: ending the reading wars: reading acquisition from novice to expert. *Psychological Science in the Public Interest* 19(1): 5–51.
- Creswell, J.W. & Creswell, J.D. 2017. *Research Design: Qualitative, Quantitative, and Mixed Methods Approaches*. Edisi ke-4. Newbury Park: SAGE Publications.
- Cruz Neri, N. & Retelsdorf, J. 2022. Do students with specific learning disorders with impairments in

- reading benefit from linguistic simplification of test items in science? *Exceptional Children* 89(1): 23–41.
- Efriza, D., Deswarni, D. & Sepyanda, M. 2023. What can reading motivation do for improving student's reading comprehension? Implications for reading instruction in the school. *Academic Journal of English Language and Education* 7(1): 133-144.
- Faida Rahim. 2023. Lebih 170,000 murid sekolah di Malaysia tidak mahir membaca. *Astro Awani*, 13 January.
- Jayaganes Balanadam & Khairul Jamaluddin. 2021. Isu dan cabaran dalam kemahiran membaca di kalangan murid sekolah rendah di Malaysia. *Jurnal Dunia Pendidikan* 3(4): 127–135.
- Joyce, A. & Breadmore, H.L. 2022. Sleep-disordered breathing and daytime sleepiness predict children's reading ability. *British Journal of Educational Psychology* 92(2): 576–593.
- Kampylafka, C., Polychroni, F. & Antoniou, A.S. 2023. Primary school students with reading comprehension difficulties and students with learning disabilities: exploring their goal orientations, classroom goal structures, and self-regulated learning strategies. *Behavioral Sciences* 13(78): 1–19.
- Katili, Y.A.H. 2023. Developing supplementary materials for reading skill by using local wisdom. *LET: Linguistics, Literature and English Teaching Journal* 13(1): 1-28.
- Kelso, K., Whitworth, A., Parsons, R. & Leitão, S. 2022. Hidden reading difficulties: identifying children who are poor comprehenders. *Learning Disability Quarterly* 45(3): 225-236.
- Learning Disabilities Association of Ontario. 2001. *Learning Disabilities: A New Definition*.
- Matejko, A.A., Lozano, M., Schlosberg, N., McKay, C., Core, L., Revsine, C., Davis, S.N. & Eden, G.F. 2023. The relationship between phonological processing and arithmetic in children with learning disabilities. *Developmental Science* 26(2): 1-14.
- Merriam, S.B. 2009. *Qualitative Research. A Guide to Design and Implementation*. Edisi ke-3. San Francisco: CA: Jossey-Bass.
- Moll, K., Göbel, S.M., Gooch, D., Landerl, K. & Snowling, M.J. 2016. Cognitive risk factors for specific learning disorder: processing speed, temporal processing, and working memory. *Journal of Learning Disabilities* 49(3): 272–281.
- Noor Aini Ahmad. 2010. Pengajaran kemahiran bahasa bagi murid bermasalah pembelajaran. Tesis Dr. Fal. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Noor Sara Mashitoh. 2023. Tangani isu murid berkeperluan pendidikan khas. *Harakah*, 6 Mac.
- Oakhill, J. V. 2021. *The Neale Analysis of Reading Ability - Revised*. Dlm. Beech, J. & Singleton, C. (pnyt). *The Psychological Assessment of Reading*, hlm. 176-203. London: Routledge.
- O'Connor, R.E. 2018. Reading fluency and students with reading disabilities: how fast is fast enough to promote reading comprehension? *Journal of Learning Disabilities* 51(2): 124–136.
- Othman Lebar. 2018. *Penyelidikan Kualitatif: Pengenalan Kepada Teori dan Metode Edisi Kedua*. Edisi ke-2. Tanjung Malim Perak: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Pennington, B.F., McGrath, L.M. & Peterson, R.L. 2019. *Diagnosing Learning Disorders: From Science to Practice*. Edisi ke-3. New York: The Guilford Press.
- Robeck, M.C. & Wallace, R.R. 2018. Definition of reading. Dlm. Robeck, M.C. & Wallace, R.R. (pnyt). *The Psychology of Reading*, hlm. 3-28. London: Routledge.
- Ruzin, M. 2019. Implementing extensive reading to boost students' reading ability. *Proceeding of 1st Conference of English Language and Literature (CELL): Innovative Teaching of Language and Literature*, hlm. 1-11.
- Sari, M.H., Susetyo, Noermanzah, Wardhana, D.E.C. & Kusumaningsih, D. 2020. Understanding the level of students' reading comprehension ability. *Universal Journal of Educational Research* 8(5): 1848-1855.
- Siti Muhibah & Zetty Nurzuliana. 2018. Peranan dan cabaran guru pendidikan khas membentuk kemenjadian murid masalah pendengaran dalam abad ke 21. *Journal of Quran Sunnah Education and Special Needs* 1(1): 1–8.
- Suwanaroa, S. 2021. Factors and problems affecting reading comprehension of undergraduate students. *International Journal of Linguistics, Literature and Translation* 4(12): 15–29.
- Tahmidaten, L. & Krismanto, W. 2020. Permasalahan budaya membaca di Indonesia (studi pustaka tentang problematika & solusinya). *Scholaria: Jurnal Pendidikan dan Kebudayaan* 10(1): 22–34.
- Tamam Timbang, Zamri Mahamod & Afendi Hamat. 2011. Faktor dan kesan masalah membaca dalam kalangan murid sekolah rendah kerajaan di Brunei Darussalam. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 89–107.
- Virgiyanti, D.F. & Mahdiyah, A.N.F. 2023. The implementation of extensive reading to foster student's reading skill. *Journal of Research on Language Education* 4(1): 15-20.
- Wirth, A., Ehmig, S.C. & Niklas, F. 2022. The role of the Home Literacy Environment for children's linguistic and socioemotional competencies development in the early years. *Social Development* 31(2): 372–387.
- Yanuarti Apsari & Yana. 2015. Teacher's techniques and problems in teaching reading. *Jurnal Ilmiah UTP* 2(2): 217.
- Yin, R.K. 2015. *Qualitative Research from Start to Finish*. Edisi ke-2. New York: Guilford Publications.

- Zamri Mahamod, Mohd Zaki Abd Rahman & Norziah Amin. 2021. Tahap penguasaan kemahiran membaca dan menulis murid-murid B40 dalam pembelajaran Bahasa Melayu. *Journal of Malay Language, Education and Literature* 12(1): 40–62.
- Zulkifli Osman. 2013. Pembangunan modul pengajaran Bahasa Melayu secara bersepadu. Tesis Dr. Fal. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.

Yuzaila Yusuf  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Malaysia  
yuzailayusuf@gmail.com

Mohd Norazmi Nordin  
Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,  
Malaysia  
norazmi@ukm.edu.my

Syar Mezee Mohd Rashid  
Pusat Kajian Pendidikan dan Kesejahteraan Komuniti,  
Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi,  
Malaysia  
cikgumeeze@ukm.edu.my

Corresponding Author: yuzailayusuf@gmail.com